



Anugerah

**FELLOWSHIP
NAIB CANSOLOR**

KATEGORI PENGAJARAN



ANUGERAH *FELLOWSHIP* NAIB CANSOLOR

PENGAJARAN

- KATEGORI PENGAJAR CEMERLANG
Sains Tulen

PROFESOR MADYA DR. PUAN CHONG LEONG

Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar

Dr. Puan Cheong Leong dilahirkan di Kuala Lumpur dan membesar bersama empat adik-beradik di Jinjang. Beliau memperoleh Ijazah Bachelor Sains Perhutanan pada 2001 dan Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Pengurusan Hidupan Liar pada 2005. Selepas tamat pengajian peringkat Ijazah Falsafah Kedoktoran pada 2010, beliau telah berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Perhutanan (kini Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar) sehingga kini dan telah mengajar sebanyak tujuh kursus yang berkaitan dengan hidupan liar dan perhutanan.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di UPM, Dr. Puan telah menerima Anugerah Pensyarah Pilihan pada 2013, dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 2011 dan 2018. Beliau mendapat kenaikan pangkat sebagai Profesor Madya pada 2019 dan dilantik sebagai Ketua Jabatan Sains Perhutanan dan Biodiversiti pada 2023. Dr. Puan juga merupakan Penyelidik Bersekutu Interim di Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP).

Demi mempertingkatkan kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), Dr. Puan sentiasa mencari pendekatan dan kaedah baharu untuk menambah baik pengajaran. Pada 2015, beliau mula terlibat dengan projek PdP berunsurkan *Universal Design for Learning* (UDL) bersama sekumpulan pensyarah daripada tujuh fakulti berbeza di UPM. Sejak 2018, projek PdP ini telah menerima pelbagai pingat dalam *Putra InnoCreative Carnival in Teaching and Learning* (PicTL 2018, 2019, 2020, 2023); *International University Carnival on e-Learning* (IUCEL 2018, 2019, 2022); *New Academia Learning Innovation Exhibition and Competition* (NALI 2018); dan *International Learning Innovation Competition* (PIP 2019).

Beliau juga telah dilantik sebagai juri dalam pertandingan poster untuk PicTL 2020 serta fasilitator untuk Bengkel Pembangunan Bahan *Inclusive Open Educational Resources* (iOER) anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama UNESCO pada 2022. Dari segi penyelidikan, Dr. Puan telah berjaya mendapat sepuluh geran penyelidikan awam dan swasta serta menjadi Penyelia Utama kepada sembilan pelajar siswazah yang telah

bergraduat. Sebagai penyelidik, beliau telah menerbitkan 69 makalah jurnal, lima buku, lima bab dalam buku, 18 prosiding dan 26 artikel pendek dalam pelbagai bentuk penerbitan. Salah sebuah buku beliau telah mendapat Anugerah Buku Negara bagi kategori Buku Mewah Terbaik pada 2017. Selain itu, Dr. Puan juga adalah editor kepada sebuah jurnal tempatan dan dua buah jurnal antarabangsa.

Selama hampir 14 tahun berkhidmat di UPM, Dr. Puan amat menghargai tunjuk ajar daripada mentor serta rakan setugas yang membantu beliau dalam pelbagai aspek termasuk menjadi perunding dalam 11 projek perundingan.

Dr. Puan merupakan ahli *Young Scientists Network* di bawah Akademi Sains Malaysia (YSN-ASM) pada 2017 hingga 2020. Beliau berpeluang memberi 48 ceramah di pelbagai acara akademik dan awam. Selain itu, beliau pernah ditemu bual oleh lima surat khabar tempatan, satu stesen radio, dua media dalam talian serta dua rancangan dokumentari bertema sumber alam dan konservasi yang disiarkan di saluran Astro.

ANUGERAH *FELLOWSHIP* NAIB CANSOLOR

PENGAJARAN

• KATEGORI PENGAJAR CEMERLANG

Sains Kesihatan

DR. MANRAJ SINGH CHEEMA

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Dr. Manraj Singh Cheema berasal dari Kuching, Sarawak. Beliau adalah anak sulung daripada tiga adik-beradik. Beliau memulakan persekolahan di Sekolah Rendah Bantuan St. Joseph, Kuching dan meneruskan pengajian di peringkat menengah di Sekolah Menengah Bantuan St. Joseph, Kuching. Setelah itu, beliau menyambung pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi program Diploma Kesihatan Haiwan dan Penternakan dan seterusnya Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian dalam Sains Bioperubatan. Beliau berjaya bergraduasi dengan kepujian kelas pertama dan menerima Anugerah Pelajar Terbaik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM. Beliau menyambung pengajian peringkat PhD dalam toksikologi molekul di University of Surrey, UK di bawah *Commonwealth Scholarship and Fellowship Programme*. Setelah menamatkan pengajian PhD, beliau pulang ke UPM dan berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Bioperubatan sejak 2012.

Berpegang kepada falsafah pengajaran, '*Step out of the ordinary, Be extraordinary, and Achieve the Glory!*' beliau mencabar diri untuk keluar daripada kebiasaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Beliau komited untuk memberi inspirasi dan memperkasa potensi pelajar beliau. Beliau percaya bahawa pendidikan bukan hanya untuk menyampaikan ilmu tetapi juga memupuk minat dan semangat pelajar untuk pembelajaran sepanjang hayat. Justeru, beliau telah berusaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif dan dinamik agar pelajar merasa dihargai dan lebih bermotivasi untuk belajar.

Dr. Raj komited mentransformasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran beliau dengan menggunakan pelbagai kaedah inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasilnya, beliau telah memperoleh Anugerah Pengajar Terbaik fakulti pada 2015, 2020, 2021 dan 2022. Beliau juga telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (JKIPP) UPM sejak 2019. Dr. Raj merupakan penerima Geran Insentif Penyelidikan

untuk Pengajaran dan Pembelajaran (GIPP) dan telah menerbitkan lebih sepuluh penerbitan dalam pengajaran dan pembelajaran. Beliau turut aktif menyertai pertandingan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam dan luar negara melalui projek individu dan kumpulan dan telah memenangi tujuh pingat emas dan lima pingat perak. Sepanjang tempoh berkhidmat di UPM, beliau telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang di peringkat universiti pada 2015 dan 2020.

Dalam bidang penyelidikan, Dr. Raj merupakan finalis Anugerah Merdeka 2016 dan penerima Anugerah Penyelidik Muda di *ASEAN Emerging Researcher (ASEAN-ERC)* 2019. Beliau dilantik sebagai ahli *Young Scientists Network* di bawah Akademi Sains Malaysia (YSN-ASM) sejak 2020 dan menjadi Naib Pengerusi pada 2020 hingga 2022. Beliau turut memenangi Anugerah Penyelidik Muda di Persidangan Maya Sainifik Antarabangsa (ISVC) YSN-ASM 2021 untuk inovasi beliau, iaitu konsep gamifikasi dan pembelajaran berasaskan permainan dalam farmakologi dan toksikologi.

ANUGERAH *FELLOWSHIP* NAIB CANSOLOR

PENGAJARAN

• KATEGORI PENGAJAR CEMERLANG

Sastera dan Sains Sosial

PROFESOR MADYA DR. ROZITA RADHIAH SAID

Fakulti Pengajian Pendidikan



Profesor Madya Dr. Rozita Radhiah Said berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Sains Pendidikan Bahasa Melayu daripada Universiti Putra Malaysia. Beliau menamatkan pengajian peringkat Sarjana Muda dengan Kepujian, juga dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Dilahirkan dalam keluarga guru di Muar, Johor, beliau mendapat pendidikan awal di SK Convent Muar, SK Temiang Muar, SMKA Maahad Muar dan SMKA Sheikh Hj. Mohd Said, Seremban. Beliau berpengalaman luas lebih 20 tahun dalam bidang pendidikan umumnya dan bidang Pendidikan Bahasa Melayu khususnya.

Dr. Rozita memulakan kerjaya sebagai Pensyarah Kanan di UPM pada 2014. Keterlibatan jaringan kepakaran beliau pada peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa antaranya adalah dalam bidang penjurian inovasi, panel penilai konvensyen Kajian Tindakan, penceramah, jurulatih utama pembangunan kurikulum KPM, penilai buku ilmiah, buku teks dan modul KPM serta pewasit jurnal berindeks berkaitan penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Beliau memperoleh kenaikan pangkat sebagai Profesor Madya pada 2021. Komitmen dan seluruh kepakaran beliau adalah berkaitan dengan penyelidikan pendidikan serta pedagogi pendidikan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Antara cakupannya adalah mengimplementasi kaedah pengajaran bahasa di dalam bilik darjah dalam kalangan guru, pengintegrasian pendekatan, kaedah, teknik, strategi, pemilihan dan pembangunan bahan sumber serta pengaplikasian teknologi berkaitan pengajaran dan pembelajaran guru mata pelajaran Bahasa Melayu di lapangan pendidikan.

Dr. Rozita pernah memenangi Anugerah *Fellowship* Naib Canselor Kategori Pengajaran (Kategori Pengajar Muda) (2017) dan memenangi Anugerah PutralInnoCreative (*Best InnoCreative Educator in Immersive Learning Experience*) (PicTL, 2018) peringkat universiti, memenangi Anugerah Pensyarah Paling Popular (2017) serta mendapat Hadiah Kualiti Apresiasi Perkhidmatan (2022) dan Anugerah Hak Cipta (2023) peringkat fakulti. Beliau juga telah memenangi 15 pingat emas, memperoleh 11 hak cipta untuk pelbagai inovasi pengajaran dan pembelajaran.

Kemenangan pada hari ini merupakan satu pengiktirafan kepada beliau kerana telah menunjukkan kecemerlangan dan daya kreativiti yang tinggi dalam pengajaran. Anugerah ini juga menggalakkan pemupukan inovasi dan kreativiti dalam proses pengajaran beliau serta penggunaan pelbagai kaedah dan amalan pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang dan berkualiti berteraskan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*Student Centered Learning*). Sesungguhnya seorang pendidik itu perlu berilmu, berpegang juga kepada ilmu untuk tujuan menyampaikan ilmu.



ANUGERAH *FELLOWSHIP* NAIB CANSOLOR

PENGAJARAN

• KATEGORI PENGAJAR CEMERLANG

Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan

DR. RAHIMAH JAMALUDDIN

Fakulti Pengajian Pendidikan

Dr. Rahimah Jamaluddin dilahirkan di Alor Setar, Kedah. Mendapat pendidikan awal di SJKC Kek Hua, Alor Setar, SJKC Yoke Nam, Klang Lama, SJKC Yu Hua Kajang, SJKC Chung Hwa, Ampang, Sekolah Menengah Perempuan Jalan Ampang, dan UiTM Shah Alam, Selangor. Beliau memulakan kerjaya sebagai pendidik pada 1998 dengan menjawat jawatan guru sandaran bagi mata pelajaran Sains Rumah Tangga di Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Kajang. Minat yang tinggi dalam bidang pendidikan mendorong beliau untuk menyambung pengajian di Universiti Putra Malaysia dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (2002) dan Ijazah Sarjana (2005) dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional dengan pengkhususan dalam bidang Sains Rumah Tangga. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan ditempatkan mengajar di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional, Shah Alam. Sepanjang tempoh empat tahun bersama murid berkeperluan khas cacat pendengaran, pelbagai pengalaman diperoleh. Pengalaman tersebut mendorong ibu kepada enam cahaya mata ini untuk meneruskan pengajian ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah (2012) dan sekali gus membuka lembaran baharu dalam dunia pendidikan.

Memulakan kerjaya sebagai Pensyarah Kanan di UPM pada 2013, beliau aktif menjalankan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran abad 21 yang berupaya meningkatkan pemikiran kritis dan kreatif pelajar untuk memartabatkan Sains Rumah Tangga sebagai satu bidang kerjaya yang bernilai tinggi. Beliau juga terlibat secara aktif dalam jaringan kepakaran pada peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya sebagai pensyarah jemputan, pakar rujuk kurikulum Sains Rumah Tangga, panel penulis dan penilai buku teks Kementerian Pendidikan Malaysia, penjurian inovasi, penceramah serta pewasit jurnal berindeks berkaitan penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Beliau telah menjalankan lebih 100 projek jaringan industri dan komuniti (JINM) yang berfokus kepada bidang kepakaran beliau. Antara cakupannya adalah penganjuran bengkel *upskilling* bidang masakan, jahitan, pengintegrasian pendekatan, kaedah, strategi, pentaksiran dan pembangunan bahan sumber serta pengaplikasian teknologi berkaitan pengajaran dan pembelajaran guru mata pelajaran Sains Rumah Tangga di lapangan pendidikan.

Dr. Rahimah menerima Anugerah *Fellowship* Naib Canselor Kategori Pengajaran (Kategori Pengajar Muda) pada 2015, Anugerah Jaringan Industri Berimpak Tinggi 2017 dan 2018 serta Anugerah Perkhidmatan

Cemerlang 2019. Di peringkat fakulti, beliau menerima Anugerah Pengajar Cemerlang (Prasiswazah) 2024, Anugerah Hak Cipta 2018 dan Anugerah Pensyarah Cemerlang Jaringan Industri dan Komuniti 2018. Beliau turut menerima Anugerah Kertas Kerja Terbaik oleh Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UniSZA 2018 dan Anugerah Kertas Kerja Terbaik dalam Konvensyen Kebangsaan Kali Ke-2 Program Transformasi Sekolah 2025, Kementerian Pelajaran Malaysia. Beliau memperoleh sepuluh pingat emas, 12 pingat perak dan enam pingat gangsa dalam 28 pertandingan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran yang disertai. Bahkan terpilih untuk memenangi Anugerah PutralInnoCreative (*Best InnoCreative Educator in Immersive Learning Experience*) (PicTL, 2018) dan Anugerah *Most Outstanding Innovation* (*Innovation Showcase*, 2019). Selain itu, Dr. Rahimah juga memperoleh enam hak cipta untuk penerbitan modul dan permainan.

Pengiktirafan AFNC menunjukkan bahawa segala usaha, daya kreativiti, kesungguhan dan komitmen yang diberikan beliau dalam pemupukan inovasi dan kreativiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran tercapai.



ANUGERAH *FELLOWSHIP* NAIB CANSOLOR

PENGAJARAN

- KATEGORI PENGAJAR MUDA
Sains Tulen

PROF. MADYA ChM. DR. SAZLINDA KAMARUZAMAN
Fakulti Sains

Prof. Madya ChM. Dr. Sazlinda Kamaruzaman dilahirkan pada 2 Mac 1989 dan merupakan anak kelahiran Kelantan, hasil perkongsian hidup Encik Kamaruzaman Abdullah dan Puan Siti Mahani Muhammad. Beliau mendapat pendidikan awal di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Pasir Tumbuh dan MRSM Kuala Terengganu. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia dengan Kepujian daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor dan seterusnya Ijazah PhD. dalam bidang Kimia Analisis (Sains Pemisahan) daripada universiti yang sama pada usia 25 tahun.

Dr. Sazlinda memulakan kerjaya di UPM sebagai tutor pada 2011 dan telah dilantik sebagai Pensyarah Kanan pada 2014. Sepanjang perkhidmatan, beliau mengajar pelbagai kursus pada peringkat Bachelar dan Master Secara Kerja Kursus (Kimia Analisis). Dengan moto pengajaran '**3Ps-Teaching with Pure heart and Passion to create a Positive environment in class**', beliau sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai aktiviti dan inovasi yang kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bidang kimia. Antaranya adalah kaedah *Student Centered Learning* (SCL), penilaian alternatif secara perdebatan, pembikinan

komik dalam teknik pemisahan, aktiviti *role-playing* dan banyak lagi. Beliau sering menerima maklum balas PdP yang positif daripada pelajar dengan skor purata penilaian pengajaran sekitar 4.80/5.00.

Beliau aktif menganggotai pelbagai jawatankuasa di peringkat jabatan dan fakulti, antaranya adalah Jawatankuasa Jadual Waktu Kuliah dan Amali, Jawatankuasa Semakan Kurikulum MSKK, Jawatankuasa STEM dan banyak lagi. Beliau juga pernah menjadi pensyarah pelawat di UCSI dan Institut Teknologi Sepuluh, Surabaya, Indonesia. Selain itu, beliau juga merupakan ahli bersekutu *Young Scientist Network* (YSN-ASM), ahli Institut Kimia Malaysia (IKM), *Malaysian Young Chemists Network* (MYCN) dan Persatuan Sains Analisis Malaysia (ANALIS).

Dr. Sazlinda pernah menyertai pertandingan inovasi PdP seperti *Putra InnoCreative Carnival in Teaching and Learning* (PicTL) anjuran UPM, Karnival Inovasi Pengajaran anjuran Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Pertandingan Inovasi Peringkat

Kebangsaan anjuran ICBE Publications. Sepanjang penglibatan dalam pertandingan inovasi PdP sejak 2019-2023, beliau telah berjaya mendapat tiga pingat emas, dua perak dan satu gangsa. Beliau turut mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada 2022.

Dr. Sazlinda juga merupakan seorang penyelidik muda yang aktif dengan menyelia lebih sepuluh pelajar siswazah di peringkat Masters dan PhD. Sehingga kini, beliau merupakan ketua projek bagi 11 geran penyelidikan di peringkat universiti, kebangsaan dan juga antarabangsa. Pada 2022, beliau telah dipilih sebagai Saintis Muda Negara oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) sebagai wakil negara ke Mesyuarat Lindau Nobel Laureate ke-71 di Jerman.



ANUGERAH *FELLOWSHIP* NAIB CANSOLOR

PENGAJARAN

- KATEGORI PENGAJAR MUDA
Sains Gunaan

DR. NUR FATIHAH MOHD YUSOFF

Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul

Dr. Nur Fatimah Mohd Yusoff berasal dari Kajang, Selangor. Beliau merupakan anak keempat daripada enam adik-beradik dan membesar di rumah kuarters IKBN Dusun Tua, Hulu Langat, Selangor. Setelah tamat persekolahan, beliau melanjutkan pelajaran di Kolej Matrikulasi Institut Maxisegar, Rawang dalam aliran Sains Hayat. Kemudiannya, beliau mengikuti program Bachelor Sains (Bioteknologi) dan Master Sains dalam bidang bioteknologi tumbuhan di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2003 sehingga 2010. Seterusnya, beliau menyambung pengajian PhD dalam bidang fisiologi molekul tumbuhan di The University of Queensland, Australia pada 2011.

Setelah menamatkan PhD pada 2015, Dr. Fatimah memulakan kerjaya beliau sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Biologi Sel dan Molekul, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, UPM. Pada 2018 sehingga 2019, beliau menjalani latihan pascakedoktoran sebagai Felo Penyelidik di School of Biological Sciences, The University of Western Australia. Selama hampir sepuluh tahun berkhidmat di UPM, Dr. Fatimah telah mengendalikan enam kursus akademik yang berbeza bagi pelajar prasiswazah termasuk Bioinformatik, Biologi Molekul Perkembangan Tumbuhan, Biologi Sel dan Perkembangan, Latihan Industri, Mikroteknik,

dan Pembelajaran Perkhidmatan dalam Biologi Sel dan Molekul. Sepanjang tempoh tersebut, beliau telah mendapat penilaian pengajaran yang baik dan testimoni yang positif daripada para pelajar. Selain itu, beliau juga dilantik sebagai penyelaras bagi kursus seminar untuk pelajar pascasiswazah di Fakulti pada Semester 2 2015/2016 dan Semester 1 2019/2020.

Sebagai ahli akademik, Dr. Fatimah terlibat dalam pelbagai projek penyelidikan yang memerlukan kepakaran beliau dalam bidang bioinformatik dan fisiologi molekul tumbuhan. Beliau sering dijemput sebagai penceramah dan fasilitator untuk pelbagai seminar dan bengkel yang berkaitan. Antara penglibatan beliau yang lain adalah menyertai persidangan pengajaran dan pembelajaran seperti PiCTL pada 2018 dan 2022, bertugas sebagai ahli Jawatankuasa Publisiti dan Promosi program akademik di fakulti mulai 2016 sehingga 2018, menyelaras latihan industri pelajar prasiswazah dan Bachelor Sains Biologi Sel dan Molekul dengan Kepujian sejak 2019 sehingga kini. Selain itu, beliau juga menjadi ahli Jawatankuasa Kurikulum Siswazah Jabatan mulai 2022 serta

bertindak sebagai ahli jawatankuasa *ad hoc* untuk membantu dokumentasi penstrukturan semula program prasiswazah Jabatan pada 2022. Dr. Fatimah juga berpengalaman mengendalikan dua projek komuniti bersama pelajar prasiswazah pada 2022-2023 bagi pemindahan ilmu dalam biologi sel dan molekul.

Dalam hal ehwal pembangunan pelajar, Dr. Fatimah terlibat dalam beberapa program dan aktiviti bersama pelajar. Antaranya termasuklah aktiviti tahunan Jabatan bersama pelajar (yang dinamakan MyCelMol), memoderasi sesi perkongsian latihan industri oleh pelajar, serta mengadakan sesi perjumpaan dan memberikan khidmat nasihat kepada pelajar sebagai penasihat akademik, pensyarah kursus dan penyelaras pelajar projek tahun akhir dan siswazah.

ANUGERAH *FELLOWSHIP* NAIB CANSOLOR

PENGAJARAN

• KATEGORI PENGAJAR MUDA

Kejuruteraan

DR. ALIFDALINO SULAIMAN

Fakulti Kejuruteraan

Dr. Alifdalino Sulaiman merupakan anak kedua daripada dua adik-beradik bagi pasangan Sulaiman Dali dan Hamisah Shariff. Beliau berasal dari Ipoh, Perak. Setelah menamatkan persekolahan rendah dan menengah di Ipoh, beliau telah melanjutkan pelajaran di Auckland, New Zealand. Beliau memperoleh B. Eng (Hons) pada 2010 dan PhD pada 2015 dalam bidang *Chemical and Materials Engineering* daripada University of Auckland, New Zealand. Pada 2018, beliau telah menjalani latihan pascakedoktoran selama setahun di Centre for Clean Process Technology Development and Food Safety Engineering Laboratory, Ohio State University, Amerika Syarikat dalam bidang *High Pressure Processing of Food*. Beliau juga merupakan *Chartered Engineer (CEng)* yang berdaftar dengan Engineering Council United Kingdom.

Beliau memulakan tugas sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Kejuruteraan Proses dan Makanan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2016. Dr. Alifdalino dilantik sebagai penyelaras pembangunan Jabatan Kejuruteraan Proses dan Makanan pada 2018 dan merupakan penyelaras akademik dari 2020 sehingga 2024. Beliau terlibat secara langsung dalam proses semakan kurikulum (2020–2021) dan penyediaan *Engineering Accreditation Interim Report* (2020–2021) bagi keperluan akreditasi daripada Engineering Accreditation

Council (EAC) bagi Program Bachelo Kejuruteraan Proses dan Makanan dengan Kepujian. Kini, beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kecil Kurikulum Universiti (JKKKU) UPM dan terlibat dalam pelbagai jawatankuasa lain berkaitan kurikulum di bawah Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik (CADE-Lead) UPM.

Beliau telah dianugerahkan dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dalam Majlis Gemilang Putra 2022. Sepanjang kerjaya di UPM, beliau telah menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang setiap tahun dari 2017.

Beliau sangat aktif dalam pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ini sejajar dengan falsafah pengajaran beliau iaitu "*learning by doing*". Pedagogi pengajaran inovatif seperti pembelajaran teradun diamalkan dalam pengajaran beliau. Selain itu, kaedah pengajaran seperti modular dan pembelajaran berpusatkan pelajar turut dilaksanakan dalam penyampaian pengajaran.

Beliau aktif dalam memberi seminar mengenai *outcome-based education* berdasarkan keperluan EAC di peringkat jabatan. Beliau juga telah memenangi pingat perak untuk pembentangan poster di *International Putra Innocreative Carnival in Teaching and Learning (IPICTL)* pada 2020 dan 2021 yang merupakan pertandingan inovasi pengajaran dan pembelajaran anjuran UPM setiap tahun.

Dalam bidang penyelidikan, beliau telah menerbitkan lebih daripada 25 makalah jurnal berwasit dalam bidang kejuruteraan dan teknologi makanan. Beliau juga telah membentangkan lebih daripada 18 kertas penyelidikan lisan dan poster di persidangan antarabangsa serta menulis lapan bab dalam buku penyelidikan dengan penerbit antarabangsa seperti Elsevier dan Springer. Beliau juga aktif dalam memberi konsultasi kepada industri makanan dan terlibat dalam pelbagai geran penyelidikan daripada pihak kerajaan dan industri/antarabangsa.





ANUGERAH *FELLOWSHIP* NAIB CANSOLOR

PENGAJARAN

- KATEGORI PENGAJAR MUDA
Sastera dan Sains Sosial

DR. AINI AZEQA MA'ROF

Fakulti Ekologi Manusia

Dr. Aini Azeqa Ma'rof dilahirkan di Kuala Lumpur dan menetap di Selangor. Beliau memperoleh pendidikan Sarjana Muda dalam Bacelor Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling daripada Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau kemudiannya menyambung pengajian ke peringkat Sarjana dalam bidang Psikologi Sosial di Fakulti Ekologi Manusia, UPM. Seterusnya beliau menyambung pelajaran ke peringkat PhD dalam bidang yang sama di University of Sheffield, United Kingdom yang memfokuskan pembangunan intervensi sosial dalam konteks hubungan antara kelompok dan tingkah laku prososial.

Bermula dengan jawatan Tutor di Fakulti Ekologi Manusia pada 2010, seterusnya beliau menjawat jawatan Pensyarah Kanan pada 2018. Kini, beliau merupakan Ketua Laboratori Kesejahteraan Komuniti dan Belia di Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), UPM.

Dr. Aini Azeqa telah mendapat beberapa anugerah di peringkat fakulti, antaranya Anugerah Pensyarah Harapan (2021), Anugerah Penerbitan Cemerlang Tempat Kedua (2022), Anugerah Pengajaran Cemerlang Prasiswazah 2021/2022, Anugerah Penerbitan, Penyelidikan dan Inovasi (2022), Anugerah Inovasi dalam Pengajaran (2023), Anugerah Penerbitan Cemerlang Tempat Pertama (2023), Anugerah Pengajaran Cemerlang (2023), Anugerah Penyelidikan Cemerlang Tempat Pertama (2023) dan pelbagai anugerah berkaitan pengajaran dan penyelidikan.

Di peringkat universiti pula, bermula dari 2020, beliau telah menyertai secara aktif pertandingan inovasi pengajaran; "*International Putra InnoCreative Carnival in Teaching and Learning*" (IPICTL) dan telah memenangi dua pingat emas, empat pingat perak dan satu pingat gangsa. Beliau juga telah mendapat Sijil Perkhidmatan Cemerlang (2020-2023) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 2022.

Dr. Aini Azeqa turut aktif menulis makalah jurnal yang kini berjumlah 59 makalah. Beliau sering mendapat undangan sebagai penceramah ucaputama seminar/persidangan di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa, khususnya berkaitan kesihatan mental. Dari segi kurikulum dan pengajaran, beliau pernah dilantik sebagai penyelar program di peringkat fakulti, Jawatankuasa Kerja Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (JKIPP), Pembangun Kursus MOOC, dan Jurulatih *Self-Instructional Materials* (SIM). Beliau juga terlibat secara aktif dalam advokasi kesihatan mental dan pemerksaan komuniti sebagai penceramah dan pemberi latihan di bawah agensi Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). Antara latihan yang diberikan adalah latihan kepimpinan di bawah INFRA, *Psychological First Aid* (PFA) di bawah Program SATRIA, KBS dan pembentukan Indeks Belia Malaysia dan Indeks Kesihatan Mental Belia Malaysia di bawah IYRES.

ANUGERAH *FELLOWSHIP* NAIB CANSOLOR

PENGAJARAN

• KATEGORI PENGAJAR MUDA

Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan

GS. DR. AZITA AHMAD ZAWAWI

Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar

Gs. Dr. Azita Ahmad Zawawi merupakan anak kedua daripada tiga adik-beradik. Dilahirkan di Kem Terendak, Melaka dan dibesarkan di Ipoh, Perak oleh pasangan ibu bapa yang sangat aktif dengan aktiviti komuniti dan kebajikan. Sebagai anak anggota komando dan mempunyai ibu yang sentiasa mementingkan pendidikan, Dr. Azita dan adik-beradiknya dibesarkan dengan penuh disiplin dan telah didorong tentang kepentingan mempunyai cita-cita sejak kecil. Menginjak ke usia remaja, Dr. Azita mula diberi kepercayaan, kebebasan dan sokongan oleh kedua ibu bapa untuk 'keluar' daripada zon selesa dan meneroka pengalaman baharu. "Terbanglah anak terbang tinggi, tapi jangan lupa jejak di bumi", pesan ibu sentiasa tersemat di hati dan sokongan keluarga merupakan resipi utama beliau terus mengenggam cita-cita.

Dr. Azita mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tanjung Rambutan, dan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Sains Pokok Sena, Kedah. Beliau telah memperoleh ijazah pertama dan ijazah sarjana daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan seterusnya ijazah kedoktoran daripada The United Graduate School of Agricultural Science, Kagoshima, Jepun. Bidang kepakaran beliau adalah Perancangan Sumber Serantau (Ruang dan Peluang Rekreasi). Minat yang mendalam dalam aktiviti rekreasi luar dan cintakan suasana alam liar telah menjadi motivasi utama Dr. Azita menyambung pengajian ke peringkat tertinggi dalam bidang yang dicintai.

Beliau bermula sebagai Tutor di Fakulti Perhutanan (kini dikenali Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar), UPM Serdang pada 2009, dan dilantik sebagai Pensyarah Kanan pada 2015. Dr. Azita berpeluang mengendalikan sembilan kursus dalam program bachelors dan siswazah. Beliau merupakan ketua pembangun kursus MOOC '*Face the Outdoor*'. Selain komited pada tanggungjawab hakiki dalam bidang pengajaran, Dr. Azita juga aktif dalam pelbagai jawatankuasa di peringkat kebangsaan dan universiti. Beliau juga giat dalam program sukarelawan, kebajikan serta perkhidmatan komuniti.

"Siapalah guru tanpa pelajar, sama-sama kita belajar", Dr. Azita berpendapat bahawa keakraban antara guru dan pelajar adalah signifikan dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang harmoni dan pengajaran yang lebih berkesan. Beliau berpegang bahawa pengajaran dan pembelajaran adalah satu proses berterusan yang perlu dihayati dan dirai. Melalui penghayatan berterusan, pelajar seliaannya telah menunjukkan kecemerlangan dan memperoleh anugerah seperti Anugerah Pelajar Terbaik, Anugerah Tesis Terbaik, Pembentang Terbaik, Finalis Pertandingan Reka Cipta dan juga calon Pelajar Siswazah Terbaik. Bagi beliau, peningkatan sahsiah, keterlibatan pelajar dalam sesi pembelajaran serta pengiktirafan yang diterima para pelajarnya merupakan tanda aras sebenar pencapaian beliau sebagai seorang pensyarah. Hal ini merupakan faktor kepuasan kepada beliau dalam usaha mendidik generasi yang kompeten, bermutu dan 'berjiwa'.

Dalam bidang penyelidikan, Dr. Azita telah menerbitkan sebuah buku teks sebagai penulis utama, tiga bab dalam buku dan lebih 20 makalah jurnal sebagai penulis utama. Fokus penyelidikan beliau adalah kepada perancangan ruang dan peluang rekreasi meliputi penilaian denai pendakian gunung, pemetaan topografi hutan dan pengezonan ruang rekreasi. Hal ini memerlukan penglibatan aktif beliau dalam pelbagai ekspedisi pendakian dan eksplorasi sumber alam, *From passion to profession*. Minat mendalam terhadap rekreasi luar serta cita-cita sebagai pendidik sejak kecil, usaha pengembangan ilmu Dr. Azita tidak terhad hanya kepada pelajar di universiti. Justeru beliau memulakan perkongsian penulisan di media seperti di akhbar utama (*Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*), Majalah *Sains*, Buletin Jabatan Kerajaan, *Malaysia Gazette* dan juga sesi perkongsian ilmu di laman sosial beliau sendiri. Dr. Azita juga berpengalaman sebagai moderator, fasilitator, panel, juri dan perunding bagi program anjuran agensi awam dan swasta. Peluang ini secara peribadinya digunakan sebagai latihan untuk mengukuhkan bidang kepakaran selain meningkatkan kualiti pengajaran beliau.

